

DATE: 10/04/2008

DAP minta Dr M henti kritikan

Karpal mahu bekas PM biar pembangkang pantau kerajaan pimpinan Abdullah

Oleh Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad tidak sepatutnya mengambil alih tugas pembangkang dengan mengkritik penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, secara berterusan kerana beliau sendiri banyak melakukan kesilapan ketika menjadi Perdana Menteri.

Pengerusi DAP, Karpal Singh mendakwa, penyalahgunaan kuasa oleh Dr Mahathir diakui pemimpin Umno sendiri termasuk Abdullah yang secara terang mendedahkan bekas Perdana Menteri itu ialah orang bertanggungjawab terhadap Operasi Lalang.


"Salah guna kuasa itu antara lain termasuk mengenakan sekatan terhadap kebebasan media, penangkapan dan penahanan 106 ahli politik, pemimpin kesatuan sekerja serta pekerja gereja dalam Operasi Lalang, Oktober 1987.

"Cukuplah perbuatan beliau memeralatkan badan kehakiman termasuk bagi memecat Timbalannya ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dr Mahathir sepatutnya menghabis-

kan masanya sekarang bermain dengan cucu.

"Biarlah pembangkang yang kini mempunyai 82 kerusi Parlimen memantau dan mengawasi kerajaan pimpinan Abdullah. Sokongan Dr Mahathir tidak diperlukan pembangkang untuk memastikan Barisan Nasional (BN) tidak menyalahgunakan kuasa," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, pembangkang ti-



Karpal Singh

dak memerlukan orang seperti Dr Mahathir yang sanggup membubarkan Umno pada 1988 dan bertindak seperti diktator, selain menyerang pemimpin kerajaan lain sehingga menjejaskan imej negara dan keyakinan pelabur asing.

"Dr Mahathir sepatutnya mengambil sikap berhenti menyerang. Sudah tiba masanya beliau berdamai dan membiarkan pembangkang memantau kerajaan pimpinan Pak


“Dr Mahathir sepatutnya berhenti menyerang. Sudah tiba masanya beliau berdamai dan membiarkan pembangkang memantau kerajaan pimpinan Pak Lah”

Karpal Singh
Pengerusi DAP

Lah,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam suratnya kepada Pengerusi DAP itu yang diedarkan Karpal sendiri semalam menegaskan, beliau tidak akan memohon maaf seperti yang digesa oleh Karpal sebelum ini dan menyifatkan peguam itu sebagai seorang ahli politik dan individu yang keji.

"Anda dan pengkritik tidak mempercayai apa saja yang saya cakap.



Dr Mahathir Mohamad

Apa yang anda lakukan berdasarkan kepada perasaan benci dan saya tidak akan memberi maklum balas kepada orang yang tidak boleh menerima kenyataan.

"Pendirian saya jelas... saya sudah menjalankan tanggungjawab dan saya tidak akan memohon maaf kepada sesiapa pun. Saya pasti anda akan menggunakan surat ini untuk mencemarkan nama baik saya dan itu hak anda," katanya.

Surat Dr Mahathir itu adalah balasan kepada surat yang dihantar Karpal sebelum ini meminta bekas Perdana Menteri itu memohon maaf terhadap isu pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abbas dan tiga lagi hakim Mahkamah Agung, pada 1988.

Karpal berkata, bukan kerajaan sekarang yang patut meminta maaf tetapi bekas Perdana Menteri itu yang sepatutnya meminta maaf secara peribadi.

Beliau juga menyifatkan bekas Hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh yang dipecat adalah antara hakim terbaik dalam badan kehakiman Malaysia ketika itu.